

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN SU KEONG SIONG**  
**[ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH** : **20 OKTOBER 2015**

**SOALAN** : **Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]**  
**minta MENTERI LUAR NEGERI**  
**menyatakan menyatakan sumbangan dan**  
**pencapaian Malaysia sebagai anggota ahli**  
**Majlis Keselamatan Persatuan Bangsa-**  
**Bangsa Bersatu untuk tempoh 2015-2016.**  
**Apakah kedudukan Malaysia berkenaan**  
**ratifikasi Rome Statute (International**  
**Criminal Court Statute) dan Arms Trade**  
**Treaty yang telah lama tertunda.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timor atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Seperti mana yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah memulakan tanggungjawabnya sebagai anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 1 Januari 2015.

3. Sejak bermula keanggotaannya di dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah melibatkan diri secara aktif dalam mesyuarat-mesyuarat rasmi dan tidak rasmi Majlis Keselamatan di mana pelbagai isu khusus kepada negara dan tema tertentu dipertimbangkan dan dibincangkan.

4. Malaysia telah mengambil peluang pada bulan Jun 2015, selaku Presiden Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, untuk memberi tumpuan kepada isu-isu kanak-kanak dan konflik bersenjata, pembinaan keamanan, misi pengaman PBB dan perubahan iklim.

5. Inisiatif utama Malaysia selaku Presiden Majlis Keselamatan adalah penganjuran Sesi Debat Terbuka Peringkat Tinggi yang dipengerusikan oleh YB Menteri Luar Negeri pada 18 Jun 2015.

6. 73 negara anggota PBB telah mengambil bahagian dalam sesi tersebut. Sebelum Debat Terbuka dimulakan, Majlis Keselamatan PBB, secara sebulat suara, telah menerima pakai Resolusi 2225 yang

dibentangkan oleh Malaysia. Inisiatif Malaysia ini adalah bertujuan memperkukuhkan mekanisme menangani penculikan kanak-kanak dalam situasi konflik bersenjata. Resolusi tersebut turut ditaja bersama oleh 56 buah negara anggota PBB. Ini merupakan sumbangan besar oleh Malaysia dalam memperkasa rangka kerja berhubung perlindungan kanak-kanak dalam situasi konflik bersenjata.

7. Penglibatan 73 buah negara anggota PBB dalam Debat Terbuka dan sokongan meluas terhadap Resolusi 2225 adalah amat memberangsangkan serta mencerminkan sokongan tinggi terhadap isu yang penting kepada pelbagai dan negara anggota PBB untuk melindungi hak kanak-kanak di dalam situasi konflik bersenjata.

8. Selain itu, Malaysia telah menganjurkan Taklimat Terbuka dan Dialog Interaktif Tidak Rasmi mengenai Pembangunan Keamanan. Inisiatif Malaysia ini berjaya menyatukan pandangan negara anggota yang terlibat tentang perlunya meningkatkan keupayaan Suruhanjaya Pembangunan Keamanan (PBC - *Peacebuilding Commission*) melaksanakan tanggungjawabnya menyokong pembangunan dan pemulihan negara pasca-konflik. Negara-negara terlibat juga menggesa dipertingkatkan kerjasama dan penyelarasan di antara Suruhanjaya tersebut dan Majlis Keselamatan memandangkan Majlis adalah bertanggungjawab dalam mewujudkan sesuatu misi pengaman dan menetapkan mandat misi berkenaan.

9. Malaysia juga telah menganjurkan Mesyuarat mengenai Perubahan Iklim secara bersama dengan Sepanyol. Inisiatif ini telah berjaya meningkatkan kesedaran berhubung ancaman berganda perubahan iklim terhadap keamanan dan keselamatan antarabangsa. Negara anggota PBB bersetuju perubahan iklim boleh menyebabkan krisis kemanusiaan,

ketidakstabilan politik dan ekonomi, pertelingkahan sempadan, ketegangan etnik dan migrasi meluas.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Sehingga bulan September 2015, Malaysia telah membuat sebanyak 39 kenyataan di sesi debat terbuka, taklimat, konsultasi dan perbincangan Majlis Keselamatan PBB. Malaysia telah menyokong dokumen-dokumen yang dihasilkan di sepanjang tempoh ini mengambil kira kandungannya yang selari dengan pendirian negara. Selain itu, Malaysia sering kali menerapkan keperluan kerjasama semua negara ahli PBB, organisasi antarabangsa serta badan-badan bukan kerajaan dalam mengenal pasti dan mencari jalan penyelesaian secara aman, terangkum dan menyeluruh dalam memelihara keamanan dan keselamatan sejagat.

11. Malaysia komited dalam memenuhi mandat sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan seperti yang telah diamanahkan oleh negara-negara anggota PBB. Malaysia akan meneruskan usaha bagi memastikan ia melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik sehingga akhir penggal, dalam menyumbang kepada keamanan dunia.

12. Berhubung Statut Rome dan Terti Perdagangan Senjata (*Arms Trade Treaty – ATT*), seperti mana yang pernah dimaklumkan sebelum ini, Malaysia sememangnya berhasrat untuk menjadi Negara Pihak kepada ICC dan juga meratifikasikan ATT. Sebagai sebuah negara yang menghormati undang-undang antarabangsa, Malaysia adalah komited dalam menangani jenayah-jenayah antarabangsa yang merangkumi jenayah genosid (*genocide*), jenayah terhadap kemanusiaan (*crimes against humanity*), jenayah perang (*war crimes*) dan jenayah

pencerobohan (*crimes of aggression*), serta dalam usahanya membendung pemindahan senjata konvensional secara haram ke tangan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa isu yang perlu dilihat dan diteliti bagi memastikan negara memenuhi kesemua peruntukan yang ditetapkan di bawah Statut Rome dan ATT masing-masing.

13. Buat masa ini, Kementerian Luar Negeri bersama-sama Kementerian dan Agensi yang berkaitan sedang memperhalusi beberapa isu penting berkaitan Statut Rome dan ATT. Ini termasuklah menyesuaikan takrifan empat (4) kategori jenayah di bawah bidang kuasa ICC tersebut dengan takrifan yang bersesuaian dengan undang-undang domestik negara, menyesuaikan sistem perundangan negara yang berbeza dengan sistem perundangan di bawah Statut Rome, dan menangani kekangan berhubung Artikel 120 Statut Rome di mana sesebuah negara tidak mempunyai pilihan untuk membuat sebarang pengecualian (*reservations*) terhadap mana-mana peruntukan di bawah Statut ini.

14. Tambahan juga bagi ATT, pemakaian definisi eksport, import, transit dan pembrokeran (*brokering*) dalam undang-undang domestik sedia ada perlu disemak semula agar ia memenuhi peruntukan yang ditetapkan di bawah Triti ini, selain keperluan untuk menyediakan satu garis panduan bagi pelaksanaan obligasi sebagai Negara Pihak mengikut ketetapan Triti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

15. Secara umumnya, usaha bagi menangani isu jurang perbezaan antara undang-undang antarabangsa dan undang-undang tempatan sebegini memerlukan Malaysia untuk meminda peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Perlembagaan Persekutuan dan beberapa Akta yang berkaitan, di mana ianya melibatkan bidang kuasa pelbagai Kementerian dan Agensi, serta memakan masa yang panjang sebelum dapat dimuktamadkan.

16. Kerajaan juga sedang berusaha untuk menyelesaikan isu-isu tersebut, termasuk mendapatkan kerjasama dari negara-negara lain untuk berkongsi pengetahuan mengenai pelaksanaan ICC dan ATT. Justeru itu, pihak Kerajaan akan meneruskan usaha ke arah merealisasikan hasrat negara untuk menyertai ICC dan ATT.

Sekian, terima kasih.